

No. Ruj. : USM.38/13/ii/c Jld.1

Tarikh : 6 Oktober 2025

Kepada : Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan/
Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 43 TAHUN 2025

- PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI STAF BUKAN AKADEMIK (HLPsBA) PERINGKAT PENGAJIAN SARJANA, SARJANA PERUBATAN DAN KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH MASA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DALAM NEGARA BAGI SESI PENGAJIAN 2026/2027 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneruskan penajaan Hadiah Latihan Persekutuan bagi Staf Bukan Akademik (HLPsBA) di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam negara bagi sesi pengajian 2026/2027. Pegawai yang berminat dan berkelayakan berdasarkan kepada syarat-syarat permohonan seperti di Lampiran A, dialu-alukan untuk mengemukakan permohonan untuk kelulusan Ketua Jabatan dan Pendaftar.

3. Pemohon hendaklah memastikan bidang pengajian yang dipohon selari dengan keperluan masa hadapan jabatan. **Borang Permohonan Cuti Belajar (USM)** perlu diserahkan kepada Jabatan Pendaftar kampus masing-masing selewat-lewatnya pada **17 Oktober 2025 (Jumaat)** dengan melampirkan bersama senarai dokumen seperti di bawah :

BIL.	DOKUMEN	FORMAT	SAIZ MAKSIMA
1.	Gambar berukuran pasport	JPEG	280kb
2.	Rancangan Penyelidikan (proposal) yang disahkan Ketua Jabatan / Penyelia – Lampiran C	PDF	1.0mb
3.	Transkrip Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua-duanya (disahkan)	PDF	300kb
4.	Sijil Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua-duanya (disahkan)	PDF	320kb
5.	Lampiran Senarai Tugas Terkini (disahkan)	PDF	300kb

4. Pemohon akan melalui sesi temu duga Cuti Belajar di peringkat Universiti dan calon yang berjaya perlu memuat naik Borang Perakuan Ketua Jabatan dan dokumen berkaitan secara dalam talian di pautan <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> atau melalui portal rasmi KPT : <https://biasiswa.mohe.gov.my/> sebelum jam **5.00 petang, 3 November 2025 (Isnin)**.

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 43 TAHUN 2025

- **PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN BAGI STAF BUKAN AKADEMIK (HLPsBA) PERINGKAT PENGAJIAN SARJANA, SARJANA PERUBATAN DAN KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH MASA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DALAM NEGARA BAGI SESI PENGAJIAN 2026/2027 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

5. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai berikut :

Nama Staf	Talian Sambungan	E-mel
Puan Nor Hayati binti Abdul Rahman (Kampus Induk)	(81) - 6086	norr_hayati@usm.my
Puan Noren Asfarina binti Halim (Kampus Kejuruteraan)	(82) - 5015	rgnoren@usm.my
Puan Zainumaheran binti Yusof (Kampus Kesihatan)	(83) - 2016	zaira@usm.my

6. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)
Pendaftar

s.k Ketua Jabatan